



16-2 Jalan PJU 7/16 . Mutiara Damansara . 47800 Petaling Jaya. Selangor . Tel: 03-77292277 / 03-77296677

## **TERMA DAN SYARAT PROGRAM INTENSIF PERNIAGAAN INTERNET & STRATEGI MEDIA SOSIAL (ONLINE)**

*Selamat datang ke Program Intensif Perniagaan Internet & Strategi Media Sosial.*

**PENTING :** Melalui Program Versi Online, isi kandungan modul adalah sama seperti kelas bersemuka. Peserta versi online akan mendapat:

- Modul kelas bersemuka disampaikan melalui kelas online (slide dan audio) bersama workbook.
- Menyertai Facebook Group tertutup bersama peserta-peserta lain untuk berinteraksi, menambahkan kenalan perniagaan, bertanyakan sebarang soalan yang akan dibantu oleh trainers dan konsultan IKSU bersama Irfan Khairi.
- Mendapat nota, tips dan strategi tambahan melalui Facebook Group tertutup ini
- Boleh menghubungi trainers untuk bantuan tambahan melalui telefon, chat dan juga email (selain melalui Facebook group pelajar-pelajar) ATAU datang ke IKSU, Mutiara Damansara untuk berjumpa dengan pelatih-pelatih untuk bantuan bersemuka melalui temujanji.

**Berikut adalah beberapa terma, syarat dan peringatan sepanjang anda dalam pengajian ini :**

1. Apabila hari pertama yang telah ditetapkan bermula. Maka setiap terma dan syarat ini juga mulai efektif kepada kesemua pelajar yang mendaftar.
2. Kesemua bahan-bahan pembelajaran adalah hak milik syarikat IKSU. Jadi, ianya tidak dibenarkan untuk anda menyebarkannya kepada sesiapa sahaja.
3. Sekiranya anda membuat bayaran secara ansuran, anda dikehendaki membuat pembayaran mengikut tarikh dan waktu yang telah ditetapkan. Ini adalah untuk mengelak anda dari tidak dapat menerima bahan-bahan pembelajaran lagi dan dikeluarkan dari batch group online.
4. Sekiranya anda sudah menerima bahan-bahan pembelajaran dan sudah dimasukkan ke dalam batch group anda, segala bayaran yang telah dilakukan, tidak akan dikembalikan.
5. Sekiranya anda ingin membatalkan penyertaan anda selepas pada kelas pertama, segala bayaran yang telah dilakukan, tidak akan dikembalikan.
6. Pihak IKSU berhak memberhentikan pengajian anda serta bahan-bahan online sekiranya anda gagal membuat pembayaran program mengikut jadual yang ditetapkan.
7. Sekiranya pelajar tidak menjelaskan bayaran yuran mengikut tarikh yang ditetapkan, pelajar akan dikenakan caj dan akan dikeluarkan daripada grup online.

**PENTING :** Setiap pelajar harus mematuhi kesemua terma dan syarat ini untuk meneruskan pembelajaran di bawah kelolaan IKSU.